



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGGUNAAN SEMIOTIK DALAM PENGHASILAN KARYA  
SENI**

Normala Binti Hj Omar

NK  
1505  
N842  
2007

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Seni Halus)  
2007

b 11308722

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



1000191645

Pusat Khidmat Maklumat Akademik  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
94300 Kota Samarahan

## PENGGUNAAN SEMIOTIK DALAM PENGHASILAN KARYA SENI

NORMALA BINTI HJ OMAR

Projek ini merupakan satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2007

5  
42  
007

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/ LAPORAN

JUDUL : PENGGUNAAN SEMIOTIK DALAM PENGHASILAN KARYA SENI

SESI PENGAJIAN 2004/2007

Saya **NORMALA BINTI HJ OMAR**

Mengaku membenarkan tesis/ Laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak di benarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak di benarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak di benarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \* sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah Keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

*Normala*

Tandatangan Penulis

Tarikh: 7/5/2007

Alamat Tetap: D-456 Jalan  
Siantan, Felda Ulu Tebrau,  
81810 Ulu Tiram, Johor.

Disahkan

*Wan...*


Tandatangan Penyelia

Tarikh: 7/5/2007

Catatan: \* Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda  
\* Jika Tesis/ Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/  
Organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan  
sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk **Penggunaan semiotik dalam penghasilan karya seni** telah disediakan oleh Normala binti Hj Omar dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Seni Halus).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(En. Wan Jamarul Imran bin  
Wan Abdullah Thani)

Tarikh:

7/5/2007

## **Penghargaan**

Syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya telah mengizinkan hambanya menyempurnakan kajian ilmiah ini.

Penghargaan yang setinggi-tingginya disampaikan kepada En. Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani selaku penasihat, yang telah memberi nasihat, pandangan serta bimbingan bagi menjalankan kajian ini.

Ucapan terima-kasih diberikan kepada semua pensyarah program Seni Halus, yang telah banyak memberi kerjasama dan nasihat yang berguna dalam melancarkan projek penyelidikan ini.

Ucapan terima-kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada penunjuk ajar serta pelajar-pelajar program seni halus, kerana telah memberi kerjasama dalam pengumpulan data-data untuk projek penyelidikan ini.

Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan ini ingin ditujukan kepada kedua ibu-bapa yang menjadi orang kuat dalam menyokong segala usaha saya.

Segala jasa dan bakti yang telah diberikan, Allah juga yang akan memberkatinya.

Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN MUKA SURAT

### BAB 1: PENGENALAN

1.1: Pendahuluan	1-5
1.1.1 Definisi Semiotik	6-12
1.2: Penyataan Masalah	12
1.3: Objektif Kajian	13
1.4: Kepentingan Kajian	14
1.5 Skop Kajian	14-15
1.6 Metodologi Penyelidikan	15-19

### BAB 2: 2.0 ANALISIS

2.1: Analisis penggunaan semiotik	20-25
2.2: Penggunaan semiotik dalam penghasilan karya seni (merujuk kepada Ismail Zain)	26-30
2.3: Penyampaian semiotik melalui komunikasi visual oleh Ismail Zain	30-39

### BAB 3: KESIMPULAN HASIL KARYA

3.1: Karya Peribadi	40-41
3.2: Aplikasi terhadap karya peribadi	42-45

## **LAMPIRAN**

1. Lampiran 1
2. Lampiran 2
3. Lampiran 3
4. Lampiran 4
5. Lampiran 5
6. Lampiran 6
7. Lampiran 7

## **INDEKS**

## **BUKU RUJUKAN**

## **ABSTRAK**

Dalam penyampaian seni, sesuatu karya itu seharusnya mempunyai fungsi dan pengisian yang bermanfaat kepada manusia. Imajan dan teks merupakan semiosis yang mengandungi makna dan mencipta komunikasi visual yang berkesan. Oleh itu, penggunaan semiotik dalam penghasilan karya seni, cuba mengajak audien untuk menghayati dan berfikir tentang pengisian yang ingin disampaikan.

## **ABSTRACT**

In conveying art, the artwork should have beneficial function and context towards mankind. Images and texts are semiosis that possess meaning and create an effective visual communication. Pertaining to that, the use of semiotic in artwork attempt to invite audience to appreciate and think about the content being delivered.

## BAB SATU

### 1.0 PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

*"...Karya seni secara literalnya adalah sesuatu yang indah, halus dan menyenangkan. Dalam pengertian yang lebih padu, ia membawa nilai-nilai halus, indah, baik, suci, berguna dan manfaat kepada manusia. Dengan perkataan lain menunjukkan bahawa karya seharusnya mempunyai fungsi dan nilai-nilai sosial.*

*Karya seni adalah hasil pemikiran inspirasi dan institusi manusia untuk menggambarkan dengan berbagai cara hubungan yang wujud bentuk dan makna, antara rupa dan hakikat. Berbagai media digunakan dan diolah oleh insan seni untuk menghasilkan sesuatu yang mempunyai nilai seninya. Dari bahan-bahan organik dan bukan organik, diperkayakan dengan idea dan kemahiran tersendiri maka ianya diolah, disusun atur dan digarap dengan baik dalam proses menghasilkan beberapa rupa bentuk yang dipanggil sebuah karya"*

( Jahani Ali, 'Karya Seni Sebagai Wahana Kretiviti' Katalog Pameran Ilham, November 1993)

Merujuk kepada pernyataan di atas, didapati bahawa karya seni adalah suatu hasil idea pemikiran yang kreatif untuk menyampaikan sesuatu kepada masyarakat. Justeru itu, hasil idea tersebut adalah medium penyampaian yang bermanfaat dan berguna kepada manusia.

Seni memang mempunyai hubungan dengan masyarakat dan biasanya ia mempunyai tujuan dan arah yang tertentu. Frederick Antal pernah menegaskan bahawa dalam memahami seni, kita perlu memahami kedudukannya dalam masyarakat serta perkembangan masyarakat itu sendiri. Seni berupaya menjadi suatu senjata budaya untuk memperbaiki kepincangan yang wujud dalam masyarakat sekarang.

Kini, penyampaian seni tidak lagi jelas dan nyata dari segi persembahannya. Pengkarya-penkarya sudah melangkah setapak ke hadapan dalam menghasilkan karya seni. Perlambangan, metafora, simbol di antara cara penyampaian dalam penghasilan karya seni. (Rujuk figura 1-5)



Figura 1

Lee Kian Seng

'Permainan Poker'

1975




Figura 2

Zulkifli Yusof

'Tanpa Tajuk'

1988



Figura 3

Amerrudin Ahmad

'It's About My Head II'

1996



Figura 4

Mahadi Ayob

'Potret seorang perosak'

2005



Figura 5

Muhammad Hawari Berahim

' Di mana asalmu '

2005

Hal ini, dengan menggunakan cara penyampaian demikian audien dapat menghayati serta berfikir tentang apa yang hendak disampaikan oleh pengkarya. Bertitik tolak dari itu, sesuatu karya tersebut secara tidak langsung berjaya menyampaikan sesuatu makna atau manfaat kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, semiotik yang biasanya hanya dikenali sebagai sistem tanda dilihat mempunyai kepentingan di dalam pengucapan seni tampak. Ismail Zain banyak menyentuh tentang semiotik dan semiosis di dalam karya walaupun rata-rata artis lain menerapkannya di dalam karya. Dengan pengetahuan terhadap semiotik ini maka bermaknalah pengucapan

dan pengisian sesuatu karya. Analisa ini dibuat untuk mengupas lagi kekuatan semiotik dalam penghasilan karya seni.

### 1.1.1 Definisi semiotik

Sejak tahun 1960-an lagi, dunia Barat telah terpengaruh dengan gerakan strukturalis. Kegiatan ini telah berkembang di benua Eropah dan merebak ke Amerika Syarikat kira-kira pada tahun 1970-an (Josue V. Harari, 1979). Gerakan ini akhirnya menjadi sebuah pendekatan yang lebih mantap dan di kenali sebagai semiotik.

*"...In it self, a language is not true or false, it is or is not valid: valid, i.e., constitute a coherent system of signs." (Critical Essays, 1972).*

Hal yang di atas pernah dinyatakan oleh Roland Barthes, asas strukturalis dan semiotik adalah bermula daripada bahasa. Kajian kedua-dua ini pendekatan ini pada dasarnya melewati masalah-masalah yang berkaitan dengan penulis dan hal-hal yang berada di luar teks. Kajian mereka berkisar kepada pemasalahan kebenaran, kesahihan dan ketegasan bahasa di dalam karya.

Bermula dengan kajian bahasa akhirnya semiotik telah menjadi sebuah pendekatan yang menarik. Ia dapat digunakan untuk melihat

segala sistem bahasa yang mengawal kehidupan manusia. Namun begitu, semuanya mempunyai makna-makna kebudayaannya yang tersendiri dan sebilangan daripadanya mengakibatkan sesuatu respon konseptual, atau fizikal dari penerimanya.

*“The theory of signs. The analysis of systems using signs or signals for the purpose of communication (semiotic systems). The most important semiotic system is human language, but there are other systems, for examples, morse code, traffic signal, sign language.” (Brown Martin & Felizitas Ringham Dictionary of Semiotics, ,2000)*

Kenyataan di atas dapat dihuraikan bahawa semiotik merupakan teori tanda-tanda. Semiotik juga merupakan analisa sistem-sistem menggunakan tanda-tanda atau isyarat-isyarat bagi tujuan komunikasi. Tanda yang paling penting adalah bahasa manusia. (Rujuk figura 9)

Menurut James Watson, di dalam buku *‘A Dictionary of Communication and Media Studies’* semiotik berasal dari perkataan Greek, iaitu ‘Semeion’, ‘Sign’, dan ‘Semiology’ yang merupakan sistem tanda yang berperanan dalam pembentukan semula makna. Menurut ahli semiologist, makna semiotik tidak tetap. Persepsi berkenaan kerana, sistem tanda tertumpu di atas penglibatan dalam konteks sosial dan interaksi di antara mereka. Oleh

itu, semiotik juga boleh didefinisikan sebagai kajian tanda-tanda, kajian bagaimana makna dibuat dan difahami.

Semiotik juga merupakan kajian ilmu makna, bahasa (linguistik), kajian kesusasteraan yang mengandungi bentuk maksud, tanda (sign) dan simbol serta bagaimana kita hendak gunakan atau lambangkan. (Rujuk figura 6-8) Selain itu, semiotik merupakan kajian tentang ikonografi (paparan sesuatu subjek dalam bentuk gambar), ikonologi (cabang ilmu imej) dan tipologi (kajian atau pesanan atau klasifikasi jenis-jenis sistematik)



Figura 6  
Simbol



Figura 7  
Ikon



Figura 8  
Indeks



Figura 9  
Isyarat Bahasa

Supardy Murady telah menegaskan di dalam bukunya 'Kesusasteraan daripada Perspektif Semiotik Penyelenggara' terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1990, semiotik sendiri memulakan kajiannya daripada lambang-lambang dan tanda-tanda bahasa. Dari segi lain pula, walaupun semiotik menerima bahasa sebagai sekunder (Lotman, 1976), namun peranannya di dalam proses menyampaikan maklumat dan realiti tetap jelas dan boleh dibuktikan. Oleh yang demikian, semotik dan bahasa tidak boleh dipisahkan. Di samping itu, bahasa juga berkait rapat dengan komunikasi. Bagi menjelaskan hubungan antara semiotik dan komunikasi adalah proses memindahkan data dari satu sumber untuk seseorang penerima dengan cekap dan berkesan. Oleh itu, pakar-pakar teori komunikasi telah membentuk model-model berdasarkan kod, media, konteks bagi menjelaskan biologi, psikologi dan mekanik terlibat.

Marcel Danesi (1994) telah mengkaji dua hal iaitu yang pertamanya perlambangan dan yang keduanya komunikasi. Hal ini merupakan suatu pengenalan untuk semiotik. Perkataan-perkataan lambang, simbol, imej, imajan, motif, ikon (icon), tanda (sign), isyarat, lencana amat popular sekali dalam komunikasi visual yang berhubung dengan identifikasi institusi, iaitu logo. Semuanya berfungsi sebagai perkataan yang bermaksud figurasi yang membawa pelbagai maksud. Namun begitu, semuanya mempunyai makna-makna kebudayaannya yang tersendiri dan sebilangan daripadanya mengakibatkan sesuatu respon konseptual, atau fizikal dari

penerimanya. (Ismail Zain, Seni dan Imajan (Suatu Pandangan Umum Terhadap Imajan dan Makna Kontektuilnya), 1980)

Semiotik sebagai teori membaca dan menilai karya tidak begitu sempit keupayaannya. Semiotik boleh disalurkan ke dalam berbagai-bagai bidang ilmu. Umpamanya ia boleh dijadikan asas mengkaji sesuatu kebudayaan. Berdasarkan semiotik itu sendiri adalah *science of signs*, kajiannya juga melibatkan kebudayaan (Lucid, 1977). Semiotik dan bahasa (linguistik) juga tidak boleh dipisah-pisahkan (Saussure, 1916), oleh kerana semiotik lebih menjuruskan kajiannya kepada bahasa, maka boleh disimpulkan bahawa bahasa adalah asas kepada bacaan semiotik.

Hal ini kerana terpulanglah kepada kita untuk menilai dan mengkritik penggunaannya. Hal yang menarik yang boleh ditinjau di dalam kajian lambang atau tanda ialah hubungan makna dan lambang dengan sewenang-wenangnya dan tidak tetap pengertiannya dari semasa ke semasa mengikut kehendak masyarakat. Perubahan ini terjadi boleh di sebabkan lambang-lambang atau tanda-tanda yang difahami serta membawa erti sebenarnya tidak mempunyai makna. Makna yang diperolehi sebenarnya diberikan oleh masyarakat. Erti ini lahir daripada persetujuan masyarakat pengguna yang bersifat sejagat.

Bermula dengan kajian bahasa akhirnya semiotik telah menjadi sebuah pendekatan yang menarik. Ia dapat digunakan untuk melihat segala sistem bahasa yang mengawal kehidupan manusia. Namun begitu, semuanya mempunyai makna-makna kebudayaannya yang tersendiri dan sebilangan daripadanya mengakibatkan sesuatu respon konseptual, atau fizikal dari penerimanya.

## **1.2 Kenyataan masalah**

Semasa menjalankan penyelidikan, didapati terdapat batas yang menghadkan perjalanan analisa. Umumnya, semiotik kurang dikenali tentang identitinya. Kadangkala berasa keliru apakah sebenarnya semiotik. Apakah definisi yang spesifik berdasarkan semiotik mengikut fahaman seni. Hal ini dinyatakan kerana kebanyakan semiotik hanya dibicarakan atau diketengahkan dalam bidang semantik. Oleh sebab itu, sukar untuk membuat analisa yang menyeluruh tentang semiotik dalam bidang seni berikutan buku rujukan berkenaan semiotik lebih kepada skop bahasa (linguistik).

Kedua, sebagaimana Roland Barthes menguji sejauhmanakah semiotik sesuai dan wajar digunakan untuk karya-karya berbentuk prosa begitu juga dengan pengkaji, kerana ingin menguji sejauhmanakah semiotik sesuai dan wajar digunakan untuk karya-karya berbentuk seni visual.

Selain itu, persoalan yang timbul adalah untuk mengungkap sejauhmanakah unsur semiotik yang terdapat pada karya seni mampu mewujudkan pengaruh ideologi dalam diri masyarakat selain mencapai matlamat pengkarya untuk menyampaikan sesuatu makna atau manfaat kepada masyarakat.

Adakah masyarakat sedar bahawa penggunaan semiotik yang diberikan pada hasil karya ini berjaya mencapai matlamat pengkarya untuk menyampaikan sesuatu makna atau manfaat kepada masyarakat atau semata-mata untuk memenuhi tujuan tertentu. Setakat manakah semiotik itu mampu mempengaruhi ideologi masyarakat terhadap apa yang akan dan bakal ditonjolkan oleh pengkarya.

### **1.3 Objektif kajian**

Secara umumnya, berhasrat untuk mengenalpasti kesan, peranan atau kegunaan penulis atau pengkarya menggunakan unsur-unsur semiotik dalam hasil karya seni di Malaysia. Di samping itu, hal ini kerana tindak balas audien pelbagai bilangan masyarakat yang melihat. Penyelesaian unsur ini bukan hanya bergolak dalam diri pengkarya sahaja namun dalam diri pemerhati juga.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Di samping ingin mengkaji, penulis turut mahu memperkenalkan kembali apakah definisi semiotik kepada masyarakat di samping menghasilkan karya berkontekskan semiotik yang berunsurkan masalah dalam masyarakat.

Terdapat ramai pengkaji semiotik, namun kajian semiotik terhadap seni visual kurang dipraktikan. Justeru itu, penulis ingin memperkayakan kajian terhadap semiotik di dalam konteks seni visual.

#### **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini dibuat berpandukan kepada penggunaan semiotik yang terdapat di dalam sesetengah karya artis di Malaysia. Kajian sama ada dari konsep yang ingin disampaikan, penggunaan media, pengayaan, perubahan idea dan sebagainya. Maka pengkaji menjadikan sebagai alasan untuk menunjukkan bahawa di antara karya-karya yang menggunakan ciri-ciri yang terdapat pada semiotik sebagai perkembangan di dalam penghasilan karya dan ia merupakan bertitik-tolak dari sebuah sejarah yang mengatakan semiotik merupakan maksud, tanda (sign), lambang dan simbol serta bagaimana kita hendak gunakan atau lambangkan.

Tambahan pula terdapat fakta yang mengatakan semiotik merupakan kajian tentang ikonografi (paparan sesuatu subjek dalam bentuk gambar), ikonologi (cabang ilmu imej) dan tipologi (kajian atau pesanan atau klasifikasi jenis-jenis sistematik). Oleh kerana bidang semiotik ini luas maknanya, maka tidak salah untuk penulis mengkaji semiotik dari bidang seni visual.

## **1.7 Metodologi Penyelidikan**

### **Data Sekunder**

Dalam memperolehi maklumat, penyelidik hanya mendapat sumber rujukan dan maklumat dari buku-buku, jurnal, rencana, majalah ilmiah, artikel-artikel seni yang dipaparkan dalam ruangan seni, sastera dan masyarakat dalam Berita Harian, Utusan Malaysia, Kosmo dan Harian Metro. Selain itu juga, penyelidik turut mendapat sumber daripada internet.

### **Data Primer**

Selain dari maklumat yang diperolehi dari data sekunder, penyelidik juga memperolehi maklumat melalui perbincangan dengan pensyarah, rakan-rakan dan orang awam untuk mendapat pandangan dan persepsi mereka terhadap tajuk kajian penyelidik.